



ANTARA produk krafangan yang dihasilkan daripada buluh.

bagi pembuatan produk buluh di beberapa daerah di Pahang menerusi Projek Industri Buluh Orang Asli dan juga Projek Perintis Buluh Negara.

Dalam usaha memperkembangkan pembangunan industri buluh ini, pengetahuan mengenai kelebihan dan nilai komersial produk buluh seharusnya diperluaskan kepada semua peringkat masyarakat.

Mengambil contoh negara luar seperti India, Thailand, Jepun, Eropah dan Amerika Utara, mereka mempunyai projek penanaman serta pembangunan produk berdasarkan buluh yang stabil dan kukuh sehingga boleh dieksport untuk menambahkan pendapatan negara.

Terdapat dua teknik penanaman buluh iaitu menggunakan biji benih dan



BAKUL buluh yang cantik in pastinya akan menarik perhatian penggemar produk kraf.

juga pembiakan vegetatif (tampang) iaitu melibatkan cara seperti percambahan rizom, pemotongan kulum, pemotongan dahan serta tisu kultur.

Kebiasaannya, penanaman jenis pemotongan dahan dan tisu kultur lebih mendapat sambutan kerana ia mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi sehingga melebihi 90 peratus.

Namun, pemilihan teknik-teknik tersebut juga bergantung kepada jenis spesies yang ditanam dan juga capaian saiz yang diinginkan untuk tujuan penggunaan tertentu.

Menarik mengenai buluh, berdasarkan ujian kejuruteraan struktur yang dijalankan, didapati bahawa tumbuhan tersebut mempunyai kekuatan tegangan lebih kukuh berbanding kebanyakan aloi atau besi

selain kekuatan komprehensifnya lebih baik daripada campuran konkrit.

Oleh kerana itu, buluh kini banyak digunakan sebagai material asas dalam pembinaan struktur bangunan seperti tiang sokongan, lantai, dan juga pada bahagian bumbung.

Mungkin sesuatu yang pelik, namun itulah realitinya apabila buluh juga sebenarnya boleh dibangunkan sebagai produk tekstil yang lembut, mempunyai sifat anti bakteria, kelebihan menyerap air yang lebih tinggi daripada kain kapa, serta sesuai digunakan ketika cuaca panas.

Apa yang menarik lagi, buluh turut dikatakan mampu mengurangkan kandungan karbon dioksida dalam atmosfera sebanyak 12 tan untuk satu hektar tanamannya serta menghasilkan sebanyak 35 peratus oksigen.

Kegunaan lain buluh adalah ia boleh digunakan dalam pembuatan perabot, kasut, lantai rumah, rangka basikal, papan luncur, penyu dan tidak kurang juga sebagai tumbuhan hiasan lanskap.

Melihat kepada kepelbagaiannya kegunaan buluh, masyarakat di negara ini perlu membuka mata meneroka dan menggunakan sepenuhnya sumber tersebut dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada tanaman kayu untuk menyelamatkan hutan.



BULUH juga digunakan untuk menghasilkan peralatan muzik seperti seruling.

Info

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 60 spesies pokok buluh dan 25 daripadanya terdapat di Semenanjung dan 35 spesies lagi di Sabah dan Sarawak.

- Hanya 13 spesies sahaja yang telah dibangunkan secara komersial sementara selebihnya sedang dalam peringkat pembangunan potensi kegunaannya.

- Buluh merupakan tumbuhan hutan yang paling cepat membesar di dunia dengan kadar percambahan yang direkodkan adalah 121 sentimeter (sm) dalam jangka masa 24 jam.

- Tumbuhan yang bercambah menerusi cantuman rizom itu mengambil masa antara dua hingga tiga bulan untuk mencapai saiz dan ketinggian maksimum di mana ia akan mengeluarkan sebanyak 13 tunas setahun yang akhirnya akan membentuk batang buluh.

- Buluh biasanya tumbuh secara serumpun di kawasan yang mempunyai ketinggian 1,800 meter dari ketinggian laut seperti di pinggir hutan, kawasan yang telah diteroka, tepi sungai dan juga kawasan yang menerima pencahayaan yang baik.

Antara jenis buluh yang sering ditemui di kawasan hutan Malaysia adalah seperti

- *Holtumochloa magica* (buluh perindu) yang hanya boleh dijumpai di kawasan tanah tinggi Cameron

- *Dendrocalamus asper* (Buluh Betong) yang popular kerana pucuk rebungnya.

- *Schizostachyum brachycladum* (buluh lemang) untuk membuat lemang dan produk kraf

- *Bambusa heterostachya* (buluh galah) yang sering digunakan untuk membuat pondok atau bahagian senibina bangunan.



KEPELBAGAIAN produk daripada buluh yang dipamerkan sempena Minggu Kreativiti dan Inovasi di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.



KOTAK simpanan barang dan pelapik periuk yang dihasilkan daripada buluh.